

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), 6
NOVEMBER 1992

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH PENDAHULUAN

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita mengadakan sekali lagi Perhimpunan Agung parti kita, UMNO, mengikut perlembagaan parti.

2. Saya, bagi pihak parti dan Majlis Tertinggi UMNO, mengucapkan selamat datang kepada ketua-ketua dan wakil- wakil parti-parti komponen Barisan Nasional, para tetamu, para perwakilan dan pemerhati sekalian yang hadir di Perhimpunan yang mulia ini. Semoga Perhimpunan kita pada hari ini mendapat restu dan petunjuk Allah Subhanahu wa Ta'ala.

PENCAPAIAN UMNO DAN MASA DEPAN BUMIPUTERA

3. Tiga puluh lima tahun dahulu Malaysia telah mencapai kemerdekaan. Perjuangan menuntut kemerdekaan ialah perjuangan untuk menebus maruah bangsa. Tidak ada bangsa yang tidak merasa terhina jika dijajah oleh bangsa lain.

4. Hari ini hampir semua bangsa di dunia sudah bebas daripada penjajahan secara fizikal. Namun masih ada yang terhina pada pandangan umum. Sebabnya ialah bangsa-bangsa ini gagal memaju dan menjayakan bangsa dan negara mereka setelah merdeka. Sebaliknya ada yang menjadi lebih mundur dari semasa mereka dijajah.

5. Kegagalan bangsa-bangsa yang sudah merdeka untuk mencapai kemajuan tidak dapat tidak membawa kehinaan kepada mereka. Mereka ini mungkin marah dan mengungkit bahawa semua manusia adalah sama dan harus dihormati sebagai manusia. Tetapi hakikatnya ialah kelemahan atau kegagalan sesuatu bangsa tetap menyebabkan dunia umumnya dan bangsa- bangsa yang maju khususnya memandang rendah kepada mereka. Jika kerana kelemahan, mereka terpaksa mengemis dan memohon bantuan, mereka bukan sahaja akan dihina tetapi juga akan hilang kebebasan yang diperolehi melalui kemerdekaan daripada belenggu penjajahan.

6. Sebenarnya kemerdekaan negara sahaja kadang-kala tidak mencukupi untuk menentukan kejayaan sesuatu bangsa itu. Demikianlah dengan orang Yahudi yang menumpang di negara- negara Eropah. Mereka lebih berpengaruh dan berkuasa di negara mereka bermastautin dan secara kolektif di dunia semata-mata kerana mereka cekap dalam berbagai-bagai bidang. Demikian juga dengan beberapa bangsa lain yang berpindah dari negara asal mereka ke negara lain. Ada yang berjaya sehingga menjadi presiden negara tumpangan mereka.

7. Orang Melayu dan Bumiputera telah berjaya mencapai kemerdekaan. Berlainan daripada sesetengah bangsa yang mencapai kemerdekaan selepas

Perang Dunia Kedua, orang Melayu dan Bumiputera di Malaysia berjaya menerima dan mengamalkan sistem politik dan pentadbiran yang terasing daripada sistem asal mereka. Walaupun pada tahun 1969 pertelingkahan kaum berlaku, tetapi umumnya politik dan pentadbiran yang dikuasai oleh orang Melayu di Malaysia lebih baik daripada sebelum merdeka.

8. Di zaman British, pentadbiran tidak diasaskan kepada demokrasi. Kuasa pentadbiran kolonial tidak boleh dicabar. Apa sahaja yang diputuskan oleh pemerintah kolonial terpaksa diterima. Dengan itu pemerintahan dan pentadbiran menjadi mudah. Namun kejayaan pemerintahan kolonial daripada segi pembangunan dan kemajuan negara adalah jauh lebih rendah daripada pencapaian Malaysia setelah merdeka.

9. Kejayaan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dalam bidang politik, pentadbiran dan ekonomi, sedikit sebanyak menyebabkan orang Melayu dan Bumiputera lebih dihormati sekarang daripada di zaman penjajah. Tetapi maruah orang Melayu belum dipulihkan sepenuhnya. Pencapaian orang Melayu dan Bumiputera dalam bidang ilmu, perniagaan, perusahaan, teknologi moden dan rekacipta masih di peringkat yang rendah. Dengan itu, dunia masih tidak memberi kredit yang sewajarnya kepada orang Melayu dan Bumiputera terhadap kejayaan negara Malaysia.

10. Peningkatan pencapaian orang Melayu dan Bumiputera dalam bidang-bidang yang mereka masih tertinggal bukanlah sesuatu yang mustahil. Jika mereka boleh mencapai kemajuan dalam pelbagai bidang ke tahap sekarang, tidak ada sebab mengapa mereka tidak boleh melonjak ke hadapan lagi. Yang diperlukan ialah resolusi, komitmen dan ketegasan. Tidak ada faktor fizikal atau mental semulajadi yang boleh menghalang pencapaian lebih tinggi orang Melayu dan Bumiputera.

11. Kita telah membentuk Wawasan 2020 yang menentukan tahap kemajuan yang perlu dicapai oleh negara pada tahun 2020, iaitu 28 tahun dari sekarang. Kita bimbang pencapaian Bumiputera dengan bukan Bumiputera pada tahun 2020 tidak akan seimbang. Kita khuatir jurang di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera mungkin menjadi lebih luas. Malaysia yang bertaraf maju tidak akan bermakna kepada orang yang ketinggalan, yang masih berada di tahap tamadun abad ke-20.

12. Persoalan yang kita hadapi ialah apakah oleh kerana kekhuatiran ini kita harus gugurkan matlamat kita atau kita lambatkannya, atau kita bentuk wawasan yang lebih rendah dan lebih mudah dicapai? Malangnya pendekatan-pendekatan ini tidak akan dapat mengatasi masalah kita yang bukan disebabkan oleh prestasi kemajuan negara, tetapi oleh ketidakseimbangan pembangunan antara rakyat Malaysia daripada berbagai-bagai keturunan. Di masa yang sama dunia tidak akan menunggu kita. Justeru itu, jika kita rendahkan sasaran dan matlamat kita, kita hanya akan ketinggalan dalam masyarakat dunia tanpa mencapai matlamat mengimbangkan kedudukan kaum dalam negara.

13. Ada yang mungkin menganggap ini sebagai satu dilema yang tidak

mempunyai harapan untuk diatasi. Anggapan ini, selain daripada mencerminkan kurangnya kepercayaan kepada diri sendiri, juga tidak tepat. Dilema ini hanya menjadi dilema kerana kita bersikap negatif. Jika kita sanggup menghadapi masalah kita secara positif dan sanggup pula mengatasi apa-apa kelemahan yang ada kepada diri kita, dilema ini tidak akan menjadi dilema lagi. Rintangan yang kita hadapi adalah besar tetapi dengan pendekatan yang tersusun dan gigih, kita boleh mengatasinya.

14. Orang Melayu dan Bumiputera bernasib baik kerana dalam arena politik mereka masih kuat dan boleh melindungi kepentingan mereka. Kita masih mempunyai kuasa politik. Kuasa politik merupakan satu tongkat bagi orang yang tempang dalam bidang-bidang lain. Tetapi kita tidak harus bergantung kepada kuasa politik selama-lamanya untuk mencapai kemajuan. Mereka yang menggunakan tongkat sepanjang masa akan menjadi semakin lemah kerana anggota mereka tidak digunakan sepenuhnya dan akan hilang upaya. Tongkat hanya berguna dan harus diguna untuk mengatasi kelemahan yang sementara. Apabila sudah pulih, tongkat mesti dilepaskan dan kita berdiri atas kaki sendiri. Dengan itu keupayaan kita akan meningkat dan mengimbangi kaum-kaum lain. Dengan perkataan lain walaupun Bumiputera mempunyai kuasa politik, mereka tidak harus bergantung selama-lamanya kepada kuasa ini untuk mencapai kemajuan.

15. Tongkat juga boleh patah. Ini dapat dilihat pada tahun 1987 di waktu mana kuasa politik orang Melayu hampir hilang. Ada antara orang Melayu yang begitu tamak sehingga sanggup bersubahat dengan orang lain untuk menghancurkan kuasa politik kaum bangsa mereka sendiri. Alhamdulillah, tindakan itu gagal dan kuasa politik orang Melayu dan Bumiputera dapat dipulihkan semula. Tetapi dapatkah kita pastikan bahawa ketamakan kuasa ini tidak akan menyebabkan berulangnya peristiwa 1987? Apakah kita boleh yakin bahawa kali ini tongkat orang Melayu tidak akan patah dan terus hilang?

16. Memandangkan kepada hakikat ini, usaha-usaha meningkatkan keupayaan orang Melayu dan Bumiputera dalam bidang-bidang bukan politik menjadi amat penting. Bidang- bidang yang dimaksudkan bukan sahaja ekonomi, tetapi juga penguasaan ilmu dan teknologi moden.

BERFIKIRAN BESAR DAN REALISTIK

17. Selama 20 tahun kita telah menggunakan strategi bantuan kepada Bumiputera di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB). Kita telah mencapai kejayaan tetapi tidak sepenuhnya seperti yang dirancangan. Sementara itu keadaan persekitaran alam ekonomi sudah jauh berubah. Hari ini kita hidup di zaman gergasi. Manusia kerdil tidak mungkin berjaya dalam masyarakat gergasi. Dan ini ternyata sekali dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

18. Di zaman dahulu, di waktu mana bilangan penduduk di Malaysia tidak ramai, perniagaan dan perusahaan tidak perlu besar. Pasaran-pasaran kecil dan terhad di kampung-kampung dan bandar-bandar kecil hanya memerlukan bekalan yang sedikit yang boleh diusahakan oleh orang perseorangan atau keluarga, kadang-

kadang secara sambilan. Pembahagian kerja atau ' division of labour' tidak diperlukan oleh perniagaan kecil kerana hampir semua kerja, daripada persiapan hingga kepada penjualan, boleh dibuat oleh individu atau keluarganya sahaja. Organisasi perniagaan dalam bentuk syarikat dengan pengurus, pemodal, pekerja, penjual, agen dan lain-lain tidak perlu.

19. Tetapi hari ini keadaan sudah jauh berubah. Bukan sahaja bilangan penduduk sudah meningkat dan bandar-bandar menjadi lebih besar tetapi perhubungan di antara satu tempat dengan satu tempat yang lain, baik dalam negara ataupun dalam dunia, sudah begitu mudah sehingga pasaran yang terhad kepada tempat tinggal hampir tidak wujud lagi. Hanya bagi beberapa jenis perniagaan runcit sahaja yang perniagaan secara kecil-kecilan masih boleh hidup.

20. Perniagaan yang lain perlu mengambilkira pasaran yang luas dan ramai. Jumlah pengeluaran dan bekalan mestilah mencukupi untuk memenuhi permintaan yang lebih besar. Di samping itu kos perlu diturunkan melalui ' economies of scale' . Bagi tujuan ini modal yang besar diperlukan untuk sistem pengeluaran dan pemasaran. Hasil pelaburan tidak akan diperolehi sehingga beberapa tahun, dan ini bermakna modal masih diperlukan untuk pengurusan sebelum hasil diterima. Pemodal, rakan mereka dan keluarga mereka tidak mencukupi untuk menjalankan perniagaan besar. Orang lain mesti diupah untuk kerja-kerja tertentu. Penyeliaan yang cekap diperlukan. Kerap kali pengurusan profesional terpaksa diambil. Semua ini menambahkan kerumitan dan risiko perniagaan. Sementara keuntungan mungkin lebih besar, kerugian juga mungkin boleh jadi lebih besar. Jika tersilap langkah atau tidak cekap, peniaga boleh menjadi muflis, suatu keadaan yang lebih buruk dan terhina daripada keadaan sebelum berniaga.

21. Kata pepatah Inggeris, ' No risk, no gain' , iaitu tidak ada keuntungan bagi yang tidak sanggup menghadapi risiko. Dan risiko perniagaan yang besar tetap besar.

22. Apakah kerana takut risiko ini kita harus kekal dengan perniagaan kecil-kecilan? Malang bagi kita, dalam dunia gergasi, perniagaan kecil-kecilan tidak mungkin hidup lama dan menampung saaraan yang meningkat bagi individu dan masyarakat. Sama ada disukai atau tidak, Bumiputera perlu memasuki perniagaan dan perusahaan yang besar untuk mengimbangkan pembangunan Bumiputera dengan bukan Bumiputera.

23. Risiko boleh dikurangkan jika seseorang itu sanggup bersabar serta membuat kajian yang teliti. Bekerja sebagai kakitangan bergaji terlebih dahulu boleh membekalkan seseorang itu dengan pengetahuan yang diperlukan. Pembelian saham dalam syarikat di mana kita bekerja juga boleh membantu. Demikian juga sistem francais yang akan diperkenalkan oleh Kerajaan dalam perniagaan-perniagaan tertentu boleh menjayakan penyertaan tanpa risiko yang terlalu tinggi.

24. Hakikatnya ialah orang Melayu dan Bumiputera perlu membentuk budaya

baru yang lebih sesuai dengan iklim perniagaan zaman ini yang mempunyai lebih risiko dan kecacanggihannya. Pendekatan dahulu di mana Bumiputera dibantu secara perseorangan untuk menjadi peniaga dan pengusaha kecil yang hanya mampu memperoleh sedikit pendapatan tidak boleh lagi diamalkan oleh Kerajaan. Pendekatan yang lebih sesuai ialah membantu syarikat dan pelabur Bumiputera yang berpotensi dan berdaya maju berniaga atau berusaha secara besar-besaran.

25. Namun bantuan Kerajaan tidak boleh berasaskan semata-mata kepada rancangan perniagaan yang besar. Kemampuan daripada segi modal, pengalaman dan perancangan yang lebih teratur perlu diambilkira. Berfikiran besar atau 'Think Big' memang slogan yang tepat di zaman ini. Tetapi berfikiran besar perlu diiringi dengan kemampuan modal yang besar, kejujuran dan amanah, kecekapan mengurus dan pengalaman yang boleh meyakinkan pelanggan dan institusi kewangan. Pengusaha yang dahulu memohon lesen untuk sebuah teksi, tetapi hari ini memohon seratus buah tidak boleh dikatakan sudah menyerap budaya 'Think Big'.

26. Mereka yang terpengaruh dengan sentimen dan nostalgia cara hidup yang tradisional akan menangis. Tetapi hakikatnya ialah perubahan ini tidak dapat dielakkan. Mereka yang tidak sanggup menerima kenyataan dan tidak mengikuti aliran zaman akan ketinggalan. Sebaliknya, kejayaan lebih mungkin bagi mereka yang sanggup menerima kebenaran dan sanggup pula menyesuaikan diri dan pendekatan dengan kenyataan ini.

27. Sebagai contoh dalam industri getah kita lihat bagaimana pekebun kecil tidak mampu bersaing dengan ladang-ladang besar. Walaupun keluasan dua pertiga daripada ladang getah di Malaysia adalah milik pekebun kecil, tetapi hanya satu pertiga sahaja pengeluaran getah negara adalah daripada mereka. Dua pertiga lagi pengeluaran getah adalah daripada ladang-ladang besar. Malaysia tidak mungkin menjadi pengeksport getah, kelapa sawit dan koko yang besar jika tidak kerana ladang-ladang yang besar. Sebab itulah Kerajaan mengadakan FELDA untuk menentukan peneroka mendapat manfaat daripada ladang yang diuruskan sebagai ladang besar. Jika peneroka diberi tanah 10 ekar untuk diusahakan sendiri sebagai pekebun kecil, kemiskinan peneroka pasti tidak akan dapat diatasi.

28. Masanya sudah tiba untuk orang Melayu dan Bumiputera menerima semua ini. Selagi kita berfikir dan berusaha secara kecil-kecilan, selama itulah kita akan miskin dan mundur. Tetapi ini tidak bermakna tiap seorang daripada kita akan mengadakan perusahaan dan perniagaan gergasi. Majoriti daripada kita akan terus bekerja makan gaji dan terlibat dengan beberapa jenis perniagaan yang masih boleh diusahakan secara kecil-kecilan. Bagi kumpulan ini pun penyertaan dalam dunia gergasi boleh dilakukan melalui pembelian saham. Daripada kalangan ini juga akan ada beberapa orang yang, kerana kecekapan dan usaha, akan maju sehingga akhirnya memiliki sebahagian besar saham syarikat-syarikat gergasi ini. Bumiputera yang hari ini memiliki dan mengurus syarikat-syarikat gergasi sebenarnya berasal daripada kalangan mereka ini. Harus diingat, dahulu tidak ada langsung syarikat gergasi milik Bumiputera. Jadi yang

ada hari ini tentulah berasal daripada kalangan Bumiputera yang dahulunya tidak berada atau kurang berada.

29. Dengan cara ini akan wujudlah syarikat-syarikat besar Bumiputera yang berdaya maju dalam bidang-bidang seperti pertanian, perikanan, perladangan, pengangkutan, pemakanan, pembinaan, perdagangan, pelancongan, perhotelan, perubatan, penerbangan, pembuatan, percetakan dan pasaraya. Sebenarnya jenis perniagaan adalah banyak dan Bumiputera perlu memasuki semua jenis perniagaan secara tersusun, teratur dan besar-besaran. Tidak harus ada sesiapa yang berasa kecewa kerana sudah ada syarikat-syarikat yang besar dalam sesuatu bidang. Masukilah bidang lain yang tidak kurang penting bagi sesebuah ekonomi yang canggih. Adalah tidak bijak menumpu kepada bidang-bidang yang sudah disertai oleh ramai Bumiputera. 30. Seperti yang telah saya sebutkan tidak semua perniagaan dikuasai oleh syarikat gergasi. Melalui sistem francais, peniaga persendirian yang bermodal sendiri yang mencukupi boleh memiliki dan menguruskan kedai sendiri. Hari ini pun, perniagaan minyak petrol boleh dimiliki oleh individu secara francais. Perniagaan jenis francais ini boleh dikembangkan ke bidang-bidang lain.

31. Bagi perniagaan kecil yang tidak difrancaiskan pembaharuan perlu dibuat supaya sesuai dengan zaman. Kedai pondok berbumbung plastik di tepi jalan yang tidak disewa perlu digantikan dengan kedai yang lebih tegap milik sendiri atau yang disewa. Konsep kos tetap atau 'fixed cost' dan kos pengendalian atau 'operating cost', mesti diterima oleh Bumiputera. Konsep lama, iaitu modal hanya untuk barangan yang hendak dijual tanpa apa-apa 'overhead' perlu dibuang. Konsep inilah yang menyebabkan perniagaan Bumiputera tidak dapat membesar.

32. Masyarakat Bumiputera perlu menerima perubahan dalam sistem ekonomi moden. Penerimaan ini tidak seharusnya secara pasif dengan hanya menunggu ianya datang menggolek. Penerimaan ini perlu diikuti dengan persediaan daripada segi pengetahuan dan lebih penting lagi pembentukan budaya yang sesuai yang boleh memberi hasil yang sewajarnya kepada mereka. Penerimaan juga bermakna kesanggupan menerima dan menyokong dasar dan pendekatan yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha mengimbangkan pembangunan Bumiputera dengan bukan Bumiputera. Kerajaan boleh membentuk sesuatu dasar dan mengambil tindakan supaya tidak membiarkan Bumiputera kekal sebagai peniaga kerdil dalam dunia yang dikuasai oleh syarikat gergasi. Tetapi akhirnya tindak-balas atau 're-sponse' dan kesanggupan Bumiputera sendiri yang akan menentukan mereka dapat membuat peralihan yang diperlukan. Di sini ingin saya menarik perhatian bahawa ramai bukan Bumiputera sudah pun meninggalkan sistem perniagaan keluarga atau 'family business' untuk mengamalkan sistem korporat besar dunia moden.

33. Kerajaan akan merangka strategi dan membuat persiapan secara terperinci untuk memandu Bumiputera supaya dapat beralih daripada perniagaan dan perdagangan dunia lama kepada perniagaan dan perdagangan gergasi. Bumiputera sendiri perlu sedar atau disedari akan perlunya perubahan pendekatan ini dan bersedia untuk menghadapi cabaran. Alhamdulillah sudah

ada Bumiputera yang telah membuat peralihan kepada perdagangan gergasi ini dengan jayanya. Tetapi sebelum kita mencapai matlamat Wawasan 2020 peralihan ini mestilah menyeluruh dan seimbang dengan perkembangan dalam masyarakat bukan Bumiputera. Kerajaan yakin dan tahu pendekatan yang diperlukan. Tetapi untuk mencapai kejayaan, Bumiputera sendiri mestilah sanggup berubah dan menerima pendekatan yang diperlukan.

ILMU DAN TEKNOLOGI MODEN

34. Dalam usaha mengimbangkan kedudukan Bumiputera dengan bukan Bumiputera, peningkatan penguasaan ilmu dan teknologi moden oleh Bumiputera adalah diperlukan. Memandangkan bahawa dalam masyarakat bukan Bumiputera penglibatan lelaki dan wanita adalah sama, pengasingan wanita dalam bidang ilmu dan teknologi, terutama dalam masyarakat Melayu akan menyebabkan pengimbangan sukar dicapai.

35. Pendapat bahawa tempat wanita hanyalah sebagai suri rumah akan melumpuh separuh daripada tenaga orang Melayu. Sebenarnya pencapaian wanita Melayu dan bakat mereka adalah sama dengan lelaki. Sumbangan mereka adalah diperlukan dalam usaha mengimbangi pencapaian antara kaum.

36. Penguasaan ilmu dan teknologi moden bukanlah suatu perkara yang mustahil dicapai oleh Bumiputera. Seperti juga dalam bidang-bidang lain, orang Melayu dan Bumiputera memiliki bakat daripada segi mental dan fizikal. Yang diperlukan ialah kesanggupan menggunakan bakat ini sepenuhnya.

37. Kita hanya perlu melihat bagaimana pekerja dari negara jiran daripada rumpun bangsa yang sama yang sanggup bekerja keras dan menghadapi bermacam-macam tekanan. Hasilnya bukan sahaja upahan yang diterima meningkat tetapi juga penguasaan berbagai-bagai kecekapan. Dengan kecekapan ini, prestasi mereka meningkat dan khidmat mereka menjadi begitu penting sehingga mereka dapat dengan lebih bebas menentukan nasib mereka. Tidak syak lagi bahawa jika mereka diberi peluang, mereka akan menguasai kecekapan dalam bidang-bidang yang lebih canggih dan bernilai tinggi.

38. Apakah bezanya mereka dengan kita? Daripada segi fizikal dan mental tidak ternampak perbezaan. Tetapi daripada segi budaya kerja, jelas terdapat perbezaan. Dan perbezaan inilah yang menentukan prestasi mereka berbanding dengan kita.

39. Sebenarnya yang membezakan suatu bangsa dengan bangsa yang lain bukanlah keturunan atau rumpun bangsa, atau warna kulit atau negara atau wilayah. Yang membezakan bangsa ialah budaya, iaitu jumlah semua nilai hidup yang dipegang dan diamal oleh bangsa-bangsa berkenaan. Dan budayalah yang menentukan pencapaian sesuatu bangsa.

40. Jika kita berpendapat bahawa penguasaan ilmu dan teknologi moden adalah penting untuk memajukan orang Melayu dan Bumiputera, maka perlulah kita membentuk budaya yang sesuai dengan matlamat ini. Budaya yang dimaksudkan di sini ialah penilaian yang tinggi kepada penguasaan ilmu dan

teknologi yang canggih dan relevan serta menyanjung tinggi tabiat kuat belajar dan bekerja.

41. Jika masyarakat Bumiputera memiliki budaya ilmu dan budaya kerja seperti ini, insya-Allah, penguasaan ilmu dan teknologi moden akan tercapai dan akan membantu usaha mengimbangkan kedudukan kaum dan pembangunan negara ke arah pencapaian Wawasan 2020.

42. Kerajaan boleh menyediakan kemudahan untuk penguasaan ilmu dan teknologi moden oleh Bumiputera serta membantu membentuk budaya yang diperlukan. Tetapi sekali lagi akhirnya kesedaran dan penerimaan Bumiputera terhadap analisa dan pendekatan yang disarankan ini yang akan menentukan segala matlamat tercapai. ISLAM DAN CABARAN KINI

43. Umat Islam hari ini berada dalam keadaan yang amat tenat. Di beberapa negara Islam di Afrika, ratusan ribu berada dalam keadaan kebuluran sehingga 300 orang dianggarkan meninggal dunia setiap hari di Somalia dan ramai pula bagaikan mayat bernyawa. Peperangan yang dahsyat berlaku di antara negara-negara Islam di Asia Barat, dengan beribu-ribu dibunuh dan dcederakan oleh orang Islam sendiri dan oleh orang bukan Islam yang dijemput untuk membantu orang Islam berperang sesama sendiri.

44. Wilayah Islam di Palestin masih tidak dapat ditebus dan kemungkinan orang Islam yang ramai dapat menebus wilayah yang dikuasai oleh orang Yahudi yang sedikit tidak ternampak. Sebaliknya penebusan dengan bersyarat hanya boleh dilakukan jika kuasa-kuasa Barat menolong dan mengizinkannya.

45. Negara-negara Islam di Asia Tengah yang sekarang bebas daripada penaklukan Rusia berada dalam keadaan kucar-kacir, miskin dan tidak terdaya untuk mentadbirkan diri sendiri. Di Asia, keadaan dalam kebanyakan negara Islam tidak sempurna. Di Selatan Asia orang Islam dibunuh oleh pemberontak. Ada orang Islam yang terlalu miskin sehingga terpaksa meminta-minta daripada kuasa-kuasa asing. Dan ada pula orang Islam yang dihalau keluar dari negara-negara di mana mereka telah bermastautin beratus-ratus tahun. Ada yang telah disiksa dan dibunuh, dipaksa makan makanan yang haram dan dipisahkan daripada agama Islam.

46. Di Afghanistan, setelah bertahun-tahun berperang untuk menjatuhkan Kerajaan yang menolak agama Islam dan memeluk fahaman ateis Komunis, pasukan-pasukan Mujahidin berperang pula sesama sendiri. Setelah ramai yang terbunuh dan cedera dalam peperangan pembebasan, ramai lagi orang awam, kanak-kanak dan orang tua terbunuh di Kabul kerana rebutan kuasa sesama sendiri.

47. Kerana kecewa dengan penjajahan Inggeris dan Perancis di Asia Barat, ramai orang Islam yang berhijrah ke Amerika Utara dan Amerika Latin. Ada antara pelarian ini yang telah menggugurkan agama Islam dan memeluk agama lain.

48. Di Eropah, kebanyakan orang Albania yang dahulunya Islam telah menolak

Tuhan dan menjadi penganut terkuat ideologi Komunis. Di Bosnia-Herzegovina pula, negara Islam yang tunggal di Eropah, pembebasan daripada cengkaman Yugoslavia tidak membawa hasil seperti di Slovenia dan Croatia. Seperti kita semua tahu, orang Serb dan Serbia dengan sewenang-wenangnya telah dan sedang menyerang Bosnia- Herzegovina dengan mengurungi, menyiksa dan membunuh Muslim Bosnia daripada anak dalam buaian hingga kepada yang terlentang sakit dan tua. Dan Kosovo, wilayah Yugoslavia yang diduduki oleh orang Islam keturunan Albania, menunggu giliran untuk disembelih.

49. Inilah nasib orang Islam di mana-mana sahaja hari ini. Tetapi daripada segi fizikal dan mental, daripada segi sumber kekayaan dan daripada segi bilangan, umat Islam bukanlah daif. Satu per lima daripada umat manusia di dunia adalah orang Islam. Negara-negara Islam besar dan amat kaya dengan sumber alam. Demikianlah keadaannya seolah-olah Tuhan memberi minyak hanya kepada negara-negara Islam sahaja. Kekayaan daripada punca ini pun sudah cukup untuk membiayai segala-gala yang diperlukan untuk pertahanan dan keselamatan orang Islam dan untuk membolehkan beberapa daripada negara Islam menjadi kuasa besar di dunia.

50. Tetapi mengapakah orang Islam begitu daif dan ketinggalan dalam semua segi sehingga mereka tidak diendahkan oleh sesiapa dan mudah diperalat dan dipermainkan? Mengapakah orang lain boleh dengan cara terbuka membunuh dan menyiksa orang Islam tanpa takut kepada balasan oleh orang Islam atau negara-negara Islam lain? Apakah benar pembunuhan orang Islam oleh orang Islam tidak dapat dielakkan kerana sudah ditakdirkan?

51. Jika dikaji sejarah Islam, yang membawa malapetaka kepada mereka bukanlah agama mereka tetapi kecenderungan orang-orang tertentu antara mereka mentafsirkan agama Islam mengikut kepentingan diri. Mereka tidak berpegang kepada ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. walaupun berkenaan dengan perkara-perkara yang jelas.

52. Agama yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad s.a.w. hanya satu sahaja. Tetapi hari ini agama Islam tidak lagi satu. Bermacam-macam kepercayaan dan ajaran yang dibawa oleh orang-orang tertentu sudah membahagi-bahagikan Islam kepada berpuluh-puluh bentuk kepercayaan yang kerap kali bertentangan di antara satu sama lain. Dengan itu, umat Islam terkeliru, mempercayai bermacam-macam ajaran, berpecah-belah dan bermusuhan sesama sendiri.

53. Dari awal-awal lagi, apabila wafat sahaja Rasullulah s.a.w. ajaran Islam berkenaan dengan persaudaraan di kalangan umat Islam diketepikan kerana kepentingan mereka yang ingin merebut kuasa. Ada yang mendakwa diri mereka sebagai 'nabi' dan ada yang ingin menjadi khalifah sehingga sanggup berkomplot, membunuh dan berperang. Untuk menghalalkan perbuatan mereka di sisi agama, ada sahaja antara pentafsir agama yang sanggup membuat bermacam-macam tafsiran, membentuk hukum atau mencipta hadis. Al-Quran dan ayat-ayat di dalamnya dijadikan alat sehingga ada yang menyucuk mushaf di hujung tombak semasa berperang untuk mengelirukan musuh yang seagama.

54. Rasulullah s.a.w. menekankan pentingnya umat Islam tidak berpuak-puak, terlalu taksub dan setia kepada suku kaum mereka sehingga sanggup membelakangkan saudara seagama. Tetapi umat Islam selepas wafat Nabi Muhammad s.a.w. telah kembali kepada cara hidup yang lama, iaitu dengan berpuak-puak dan bermusuh-musuhan antara suku-suku kaum walaupun sebab-sebab permusuhan sudah dilupai.

55. Yang dimaksudkan dengan puak Assabiyah ialah mereka ini yang terlalu mengutamakan suku kaum atau puak mereka sehingga tidak ada lagi kesetiaan kepada umat Islam atau agama.

56. Sehingga sekarang ini pun kesetiaan keterlaluan kepada sesuatu kumpulan terdapat dalam politik orang Islam. Apabila mereka sudah setia kepada seseorang pemimpin atau sesuatu kumpulan politik, mereka tidak lagi menyoal baik-buruk atau betul-salahnya seseorang itu atau sesuatu yang dilakukan oleh pemimpin atau kumpulan mereka. Mereka memihak dan bersetia kepada pemimpin dan kumpulan mereka secara membuta tuli, walaupun jelas apa yang dilakukan oleh pemimpin dan kumpulan mereka adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Jika ada antara mereka orang yang menegur atau meninggalkan kumpulan mereka kerana sedar akan kesalahan yang dilakukan, orang ini akan dikecam hebat. Sebaliknya jika pemimpin mereka melakukan sesuatu yang salah, mereka masih terus menerima pandangan pemimpin tersebut walaupun mereka melihat dengan mata sendiri pemimpin itu tidak patuh kepada ajarannya sendiri. Mereka mendakwa bahawa mereka bertaklid kepada 'tok guru' mereka yang lebih mengetahui tentang cara-cara mengatasi dosa yang ia lakukan. Bagi mereka adalah penting mereka berpegang kuat kepada guru pemimpin mereka atau kumpulan mereka walau apapun kesalahan yang dilakukan. Inilah golongan Assabiyah yang dibentuk oleh orang tertentu untuk menjayakan cita-cita sendiri. Bahawa pengwujudan kumpulan Assabiyah ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam tidak dihiraukan. Bahawa ia memecah dan melemahkan umat Islam tidak diambil peduli.

57. Dalam proses mengekalkan kesetiaan kepada pemimpin dan kumpulan, agama digunakan sepenuhnya. Tidak ada sesuatu yang dibuat yang tidak dikaitkan dengan kononnya kehendak agama. Apabila sesuatu yang dibuat bertentangan dengan agama, maka ditafsir dan diciptakan berbagai-bagai ajaran serta hadis untuk menghalalkan apa yang dibuat itu. Demikian permusuhan antara umat Islam dihalalkan kerana kononnya yang dimusuhi sudah tidak Islam. Dengan mudahnya mereka mengkafirkan orang Islam yang menentang mereka demi kepentingan pemimpin mereka. Dengan sewenang-wenangnya mereka mencemar kemuliaan masjid untuk menyebarkan dakyah kumpulan mereka. Memang dalam Islam politik tidak boleh diasingkan daripada agama tetapi yang dimaksudkan ialah politik Islam dan bukan politik parti yang mengutamakan kumpulan dan matlamat pemimpin tertentu, iaitu politik Assabiyah.

58. Dengan kembalinya umat Islam kepada amalan berpuak-puak, maka kekayaan mereka dan ramainya bilangan mereka sudah tidak berkesan lagi. Mereka lebih asyik bermusuh-musuhan sesama sendiri sehingga mereka

menjadi lemah dan mudah ditindas oleh musuh-musuh Islam.

59. Kejayaan orang Islam di dunia dikatakan bertentangan dengan ajaran Islam. Dunia kononnya adalah untuk orang kafir. Kebahagiaan bagi orang Islam hanyalah di akhirat. Justeru itu orang Islam tidak perlu mencari kebahagiaan di dunia. Mereka dikehendaki menghabiskan masa di dunia untuk mengamalkan ibadat tertentu yang dicipta oleh mereka ini sebagai bekalan untuk akhirat. Bahawa dengan ini orang Islam menjadi lemah dalam berbagai-bagai ilmu dan kebolehan sehingga mereka dan agama mereka dihinakan tidak mengapa. Bahawa dengan ini orang Islam menjadi lemah sehingga tidak dapat mempertahankan diri atau menolong orang Islam lain juga tidak mengapa. Yang perlu ialah pengamalan formula tertentu ciptaan mereka untuk kebahagiaan di akhirat. Antaranya ialah mendengar syarahan agama yang berbau politik parti yang disampaikan oleh pemimpin mereka.

60. Ilmu pengetahuan dihadkan kepada tafsiran dan hukum- hakam agama yang dipilih khas oleh mereka. Ilmu-ilmu lain ditakrif sebagai sekular dan tidak harus dikejar. Dengan ini orang Islam bukan sahaja menjadi lemah tetapi juga keliru tentang agama Islam dan menjadi jahil sehingga mudah dikuasai oleh orang yang berkepentingan ini.

61. Sebab inilah maka hari ini orang Islam bukan sahaja berpuak-puak dan bermusuh-musuhan sesama sendiri, tetapi juga mereka begitu jahil tentang ajaran Islam yang sebenar dan dalam ilmu-ilmu yang diperlukan bagi membangun, mempertahankan dan menyelamatkan orang Islam. Sebab inilah orang Islam tidak mampu mentadbir negara mereka dengan baik. Mereka juga tidak dapat mempergunakan kekayaan mereka serta bilangan mereka yang ramai untuk memelihara dan mempertahankan diri mereka. Yang mereka tahu ialah membazirkan kekayaan dan hidup dengan terlalu mewah.

62. Jika ada mana-mana pihak yang sedar akan hakikat ini dan menyuarakannya, mereka akan diserang habis-habisan. Mereka akan dituduh sebagai tidak berpengetahuan agama dan kafir. Mereka akan dikecam kerana tidak mematuhi ajaran puak tertentu ini yang didakwa sebagai ajaran Islam. Mereka akan dituduh mengutamakan dunia dan tidak akhirat. Bahawa setiap kali kita berdoa kita meminta kebahagiaan di dunia dan di akhirat tidak diambilkira oleh mereka. Mereka langsung tidak memperdulikan kebahagiaan bagi umat Islam di dunia, walaupun mereka sendiri mengejar keselesaan hidup dan kuasa di dunia.

63. Mereka ini begitu fanatik dengan kepercayaan mereka sehingga sanggup menolak bulat-bulat kenyataan yang terdapat di hadapan mereka. Demikian juga jika jelas dan terang umat Islam tidak mendapat kebahagiaan di dunia, mereka akan berkata bahawa kebahagiaan yang dimaksudkan bukanlah kebahagiaan yang nyata. Justeru itu mereka sanggup membiarkan umat Islam menjadi lemah, mundur dan tidak berpengetahuan sehingga mereka ditindas, disiksa dan dihina oleh orang lain kerana kononnya ini tidak bermakna kebahagiaan di dunia tidak dicapai oleh umat Islam. Oleh kerana fanatiknya orang yang percaya kepada ajaran ini, maka mereka sanggup mempercayai yang hitam itu putih dan yang

buruk itu baik kerana guru mereka berkata demikian. Hati mereka sudah ditutup rapat sehingga mereka enggan mendengar pendapat orang lain, walaupun ianya tepat dengan ajaran Islam dan benar.

64. Oleh kerana ajaran mereka ini dan keinginan mereka melihat umat Islam kekal dalam kejahilan dalam bidang-bidang yang mereka sendiri tidak berpengetahuan, maka hari ini umat Islam berada dalam keadaan yang amat menyedihkan. Yang diutamakan oleh mereka ialah umat Islam yang lemah dan tidak berpengetahuan yang mudah diperalatkan bagi tujuan mereka merebut kuasa. Bahawa kuasa ini tidak dapat digunakan untuk kebahagiaan dan pembangunan umat Islam tidak sedikitpun mencuit hati kecil mereka.

65. Sejarah telah membuktikan bahawa di bawah kepimpinan pemimpin-pemimpin Islam yang berwibawa, bijak dan berpengetahuan, umat Islam dapat mendirikan tamadun yang tinggi. Di zaman kegemilangan Islam, bukan sahaja kajian yang mendalam dibuat berkenaan hukum-hakam Islam yang menyentuh segala bidang dunia dan akhirat, tetapi juga ilmu-ilmu sains, perubatan, pentadbiran, undang-undang, pertahanan, pelayaran dan berbagai-bagai lagi dikaji dan diterokai sehingga orang Islam mendahului orang lain di dunia. Kerana ilmu-ilmu ini dan semangat kelslaman yang tulen dan kukuh, wilayah Islam dapat diperluaskan sehingga menjadi satu empayar yang terbesar di dunia.

66. Kemampuan ini masih ada di kalangan umat Islam. Hanya yang diperlukan ialah mereka dibebaskan daripada belunggu ajaran yang menekankan akhirat tanpa diimbangi dengan tekanan terhadap kebahagiaan di dunia.

67. Apabila kita berkata Malaysia ingin menjadi kuasa dunia supaya boleh menolong orang Islam yang ditindas seperti di Bosnia, ada orang Islam tertentu di negara ini ketawa dan mempermainkan cita-cita kita. Mereka lebih rela melihat orang Islam mati kebuluran atau disembelih oleh musuh daripada berusaha melengkapkan diri untuk membela umat Islam dan umat manusia. Bagi mereka, apa yang diperlukan ialah hanya berdoa kepada Tuhan supaya menyelamatkan orang Islam. Bahawa Tuhan tidak akan mengubah nasib orang Islam melainkan mereka sendiri berusaha mengubahkannya dilupakan sama sekali.

68. Pendirian UMNO terhadap agama Islam adalah jelas. UMNO berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar. UMNO tetap akan mengimbangi dunia dan akhirat. Islam memberi banyak kelonggaran dalam semua yang dituntut oleh Islam. Ajaran Islam mengambilkira keadaan sekeliling dalam pelaksanaan sesuatu yang diwajibkan oleh agama.

69. Kelonggaran ini boleh menyelamatkan agama Islam dan orang Islam dalam apa juga keadaan dan di mana juga mereka berada. 'Fanaticism' bukan sebahagian daripada ajaran Islam. 'Fanaticism' yang boleh meletakkan orang Islam dan agama Islam dalam keadaan bahaya dan mungkin musnah adalah bertentangan dengan ajaran Islam.

70. Sebaliknya, kesederhanaan adalah cara yang dituntut oleh Islam. Kesederhanaan boleh menyelamatkan Islam bahkan ianya boleh mengembang

dan memperkuat umat Islam.

71. Justeru itu, UMNO tidak akan menjadi fanatik tetapi sebaliknya akan bersikap sederhana dan pragmatik. UMNO akan berusaha meningkatkan kemampuan dan pencapaian orang Islam dalam semua bidang. Tanpa melupakan akhirat, UMNO akan berusaha melengkapkan orang Islam dengan segala-gala ilmu yang diperlukan untuk dunia moden ini.

72. UMNO akan bersahabat dengan yang bukan Islam yang tidak bermusuhan dengan orang Islam. UMNO akan bekerjasama dengan mereka. Penerimaan orang bukan Islam ke dalam UMNO tidak menjejaskan perjuangan UMNO untuk Islam. Ini bukanlah kali pertama yang orang Islam berganding bahu dengan bukan Islam untuk mencapai sesuatu matlamat yang mulia.

73. Demikian juga dengan Wawasan 2020. Mereka yang ingin kononnya kepada wawasan akhirat harus ingat bahawa jika orang Islam sudah kecewa sehingga meninggalkan agama, orang Islam dibunuh beramai-ramai, orang Islam dimusnahkan oleh bom nuklear dan bilangan orang Islam berkurangan kerana ini -- tidak akan ada wawasan akhirat bagi mereka yang tidak dilahirkan dan tidak beragama Islam. Sesungguhnya kejayaan di dunia tidak menghalang kebahagiaan di akhirat.

74. Orang yang sengaja menghalang orang Islam daripada mencapai kejayaan di dunia, yang cuba mengelirukan orang Islam berkenaan Wawasan 2020, dan yang menyarankan wawasan akhirat sebenarnya bersubhat dengan musuh-musuh Islam.

75. Wawasan 2020 bukan sahaja secocok dengan agama Islam tetapi juga sebenarnya adalah untuk memelihara dan memajukan agama Islam. Justeru itu, UMNO akan berjuang untuk menjayakan Wawasan 2020 sebagai sebahagian daripada perjuangannya untuk agama Islam. Hanya negara Islam yang kuat yang mempunyai penduduk Islam yang berkebolehan dalam berbagai-bagai bidang yang boleh menolong mempertahankan agama dan umat Islam. Insyallah, Malaysia akan memenuhi hasrat ini walaupun ada orang Islam di negara ini yang cuba menggagalkannya.

DEMOKRASI - PRINSIP DAN AMALAN

76. Alhamdulillah, demokrasi di Malaysia berjalan dengan baik. Sistem pemerintahan yang kita pinjam ini bukanlah sistem yang mudah yang boleh diamalkan oleh sesiapa sahaja. Banyak negara yang mencapai kemerdekaan bersama dengan kita gagal mengamalkan demokrasi. Akhirnya mereka beralih kepada sistem satu parti atau pemerintahan kuku besi. Negara-negara Komunis yang baru-baru ini beralih kepada demokrasi sedang menghadapi masalah besar. Kegagalan mengamalkan demokrasi telah memecah dan membahagi-bahagikan negara mereka kepada beberapa negara kecil. Dan negara kecil, hasil perpecahan ini, pula menghadapi masalah politik yang tidak stabil dan tuntutan oleh puak minoriti untuk mendirikan negara mereka sendiri. Dengan itu peperangan tercetus di beberapa negara dan ramai yang terbunuh, sementara

kerusakan yang dialami amatlah teruk. Sehingga kini sengketa mereka masih belum selesai kerana sistem demokrasi dianggap memberi kebebasan untuk sesiapa sahaja menuntut apa sahaja yang dianggap oleh mereka sebagai hak yang kononnya demokratik.

77. Keadaan di Yugoslavia adalah yang paling teruk sekali. Persekutuan Yugoslavia sudah berpecah kepada beberapa negara kecil yang berperang sesama sendiri. Yugoslavia sebagai sebuah negara sudah tidak wujud lagi. Demikian juga dengan Czechoslovakia yang sekarang menjadi dua buah negara, iaitu Czech dan Slovak.

78. Tidak ternampak nikmat yang diperolehi oleh rakyat negara-negara baru ini setelah memilih sistem demokrasi. Mereka juga tidak mendapat apa-apa hasil daripada sistem pasaran bebas yang dikatakan membawa kekayaan kepada negara Barat. Yang nyata ialah mereka sekarang miskin dan terletak di bawah telunjuk kuasa asing yang dahulu bermusuh dengan mereka.

79. Mungkin kerana terpengaruh dengan aliran ini, ada juga di Malaysia kumpulan yang ingin memecahkan negara kepada negara kecil. Apabila dituduh, mereka menyangkal inilah niat mereka. Tetapi dengan membuat tuntutan supaya disemak semula perhubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, menuntut supaya diadakan ' referendum' dan mengadakan rancangan-rancangan tertentu untuk mengambilalih peranan keselamatan, tidakkah ini menunjukkan percubaan untuk keluar dari Malaysia?

80. Malaysia adalah sebuah negara yang aman, tetapi janganlah digugat keamanan ini dengan membakar perasaan kesukuan dan kenegerian. Sekali kewarasan fikiran diganti dengan emosi, amatlah sukar bagi mereka yang membangkitkan perasaan ini meredakan keadaan.

81. Mereka fikir orang asing akan mempertahankan tindak- tanduk mereka. Mereka menceritakan kononnya Kerajaan Persekutuan menindas mereka kerana mereka beragama Kristian. Semua ini adalah untuk mendapatkan simpati dan bantuan jika mereka mengambil tindakan yang dilarang.

82. Mereka percaya kita tidak akan mengambil tindakan kerana kita takut kepada kawan-kawan mereka di luar negara. Saya ingin menasihatkan mereka bahawa kawan-kawan mereka ini, yang mendakwa sebagai jaguh mempertahankan hak asasi dan kebebasan puak minoriti, sudah tidak ada kredibiliti atau moral lagi. Mereka mendakwa mereka berhak campurtangan dalam hal ehwal mana-mana negara jika didapati hak asasi manusia tidak dihormati. Tetapi apakah yang kita lihat di Bosnia?

83. Hak asasi manusia dicabul dengan begitu kejam dan terbuka di Bosnia, tetapi jaguh-jaguh dunia ini enggan mengambil sebarang tindakan yang berkesan. Mereka hanya berpekek "Jangan, Jangan" sementara berpuluh-puluh ribu orang Islam dan Croat Kristian dibunuh.

84. Kita tidak akan membenarkan mana-mana pihak memecah- belahkan negara kita. Kita akan mempertahankan kebebasan dan hak kita. Malaysia

adalah negara yang merdeka. Segala masalah berkenaan pembentukannya sudah diselesaikan sebelum Malaysia ditubuhkan. Sesiapa yang cuba bersubahat dengan orang asing untuk mencabul kemerdekaan negara ini, adalah penderhaka kepada negara. Justeru itu, janganlah bermain dengan api.

85. Jika Barisan Nasional tidak dapat memerintah mana-mana negeri di Malaysia, ini tidak mengapa. Kita terima keputusan yang demokratik oleh rakyat. Tetapi janganlah mana-mana pihak atau mana-mana negeri cuba mengancam persekutuan negara ini. Tanggungjawab Kerajaan Pusat adalah jelas. Ia akan mempertahankan persekutuan dan kemerdekaan negara ini dengan apa juga cara.

86. Dalam UMNO juga demokrasi berjalan dengan baik. Tetapi kita harus ingat bahawa demokrasi bukan untuk demokrasi. Demokrasi adalah alat dan cara pemerintahan yang lebih mampu memberi keadilan kepada rakyat daripada sistem-sistem yang lain. Sistem demokrasi secocok dengan Islam. Khalifah-khalifah Al-Rashidin pun dipilih secara demokratik. Tetapi sistem sahaja tidak menjamin kejayaan sesuatu pemerintahan. Pemimpin dan rakyat harus faham akan cara-cara untuk mendapatkan kebaikan daripada sistem demokrasi ini.

87. Pada tahun 1987 UMNO telah melalui sejarah hitam. Kerana ingin merebut kepimpinan parti, emosi dan wang telah dipergunakan oleh pihak tertentu. Yang diutamakan bukan kebaikan parti dan perjuangannya tetapi ketamakan individu. Perasaan telah dibakar sehingga ahli-ahli parti berpecah dan bermusuhan sesama sendiri. Dan apabila keputusan dibuat, pihak yang gagal tidak mahu menerima keputusan tersebut. Lalu UMNO diseret ke mahkamah dan UMNO dihukumkan haram. Apabila UMNO Baru ditubuhkan untuk menggantikan UMNO yang telah diharamkan, pihak tertentu ini telah menubuhkan parti serpihan dan bersubahat pula dengan parti lawan untuk menjatuhkan UMNO Baru. Demikian hasilnya apabila demokrasi disalah-erti dan disalah-gunakan.

88. Apakah kita yang bertungkus-lumus menghidupkan kembali UMNO sudah mengambil iktibar daripada peristiwa ini? Saya ingin berkata "Ya" tetapi hakikatnya ialah masih ada yang belum. Untuk pemilihan peringkat cawangan dan bahagian, kempen yang tidak sihat telah dijalankan. Kemudahan Kerajaan kadang-kadang digunakan untuk mendapat sokongan bagi diri sendiri. Lawatan-lawatan ke luar negeri dianjurkan dan dibiayai untuk maksud yang sama.

89. Surat layang yang mengandungi fitnah dan butir-butir rahsia parti telah diedarkan. Buku dicetak untuk memburuk-burukkan pemimpin-pemimpin tertentu. Orang-orang tertentu mencipta isu-isu yang kemudiannya digunakan oleh pengikut-pengikut mereka untuk memburuk-burukkan usaha-usaha yang baik untuk menjayakan bangsa sendiri. Dan wang yang banyak masih ditaburkan untuk mendapat sokongan.

90. Saya ingin mengingatkan bahawa jika kerana terlalu ghairah untuk mendapatkan kedudukan dalam parti, parti akan hancur, maka kedudukan itu tidak bermakna lagi. Menjadi pemimpin parti yang tidak bermaya tidak ada faedahnya.

91. Kita hanya mempunyai satu sahaja Presiden parti dan satu Perdana Menteri. Walaupun kita mempunyai seratus orang yang berbakat, cuma satu sahaja yang akan mendapat tempat ini. Sembilan puluh sembilan lagi akan gagal. Tetapi jika pertandingan untuk matlamat ini terlalu sengit, kejayaan tidak membawa apa-apa erti kerana parti akan pecah dan lemah dan Presiden mungkin tidak akan menjadi Perdana Menteri yang berwibawa dan dihormati. Orang lain yang akan meraih keuntungan daripada ketamakan pemimpin-pemimpin tertentu.

92. Memang ada mereka yang berpendapat bahawa jika mereka tidak memperolehi sesuatu, calon lain juga tidak harus memperolehinya. Mereka lebih rela orang asing mendapatnya. Orang seperti ini sudah kita saksikan. Mereka sanggup bekerja dengan parti lawan untuk mengalahkan parti sendiri hanya kerana mereka tidak dapat apa yang mereka kejar. Orang seperti ini lebih buruk daripada musuh. Mereka ini mengkhianati perjuangan parti dari dalam.

93. Saya berharap orang jenis ini tidak ada lagi dalam parti. Ahli-ahli parti hendaklah mengutamakan parti dan bukan orang tertentu. Lebih kuat mereka berkempen, terutamanya jika mereka menggunakan taktik buruk, lebih mungkin mereka ini tidak sesuai menjadi pemimpin. Parti yang dipimpin oleh orang seperti ini tetap akan lemah dan merugikan semua pihak.

94. Jangan sekali-kali kita lupakan peristiwa 1987. Pada tahun itu parti diharamkan. Jika peristiwa 1987 berlaku sekali lagi, mungkin parti tidak akan dapat dipulihkan semula. Dengan itu bukan sahaja orang Melayu dan Bumiputera yang akan menderita, tetapi negara juga mungkin menjadi lemah, tidak bermaruah dan dipermainkan orang. RAJA BERPERLEMBAGAAN

95. Dalam Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1990 dan tahun 1991 soal Raja-Raja telah dibangkitkan. Ahli-ahli parti tidak begitu senang hati dengan penglibatan Raja dalam politik dan perniagaan. Tuduhan telah dibuat oleh pihak tertentu bahawa ini semua adalah diusahakan oleh pucuk pimpinan parti. Tetapi suara ahli-ahli parti tidak harus dipandang ringan. Sebenarnya kepimpinan partilah yang membendung perasaan dan menghalang ahli-ahli parti dan orang ramai daripada mengkritik Raja. Sebenarnya sekatan ini tidak sihat dan bertentangan dengan asas-asas demokrasi.

96. Saya ingin mengulangi bahawa hanya UMNO sahaja antara parti politik Melayu yang tegas menyokong sistem Pemerintahan Beraja. Kita memilih sistem Raja Berperlembagaan kerana kita kawatir jika diterima Sistem Beraja yang berkuasa penuh, kuasa ini akan disalahgunakan. Akhirnya rakyat akan memberontak seperti yang berlaku di banyak negara di dunia di mana Sistem Beraja digantikan dengan sistem republik.

97. Jika kita mengkritik gerak-geri mana-mana Raja, sebabnya ialah supaya gerak-geri yang tidak menyenangkan ini akan dihentikan dan dengan itu sokongan terhadap Sistem Beraja tidak akan terjejas.

98. Oleh kerana terdapat banyak teguran oleh jurucakap parti pada Perhimpunan Agung 1991, pihak Majlis Tertinggi telah mengambil tindakan yang

sewajarnya. Antara perkara yang dibincangkan ialah peranan Raja-Raja sebagai Raja Berperlembagaan.

99. Rundingan-rundingan telah diadakan di antara UMNO dengan Raja-Raja. Hasilnya ialah sebuah Perisytiharan yang dipersetujui oleh beberapa orang Raja mengenai peranan dan tingkahlaku Raja sebagai Raja Berperlembagaan. Perisytiharan ini telah diumumkan kepada rakyat. PENUTUP

100. Syukur Alhamdulillah, kita bersidang pada tahun ini dalam keadaan yang terus tenang. Kita bersyukur kerana tidak ada malapetaka yang besar yang menimpa kita. Kita bersyukur ekonomi negara kita terus tumbuh dengan pesat walaupun kebanyakan negara lain mengalami kemelesetan.

101. Semua ini tentulah ada kaitan yang rapat dengan pendekatan kita. Tetapi kita tidak harus leka dengan kejayaan kita. Mereka yang berjaya adalah mereka yang sentiasa berwaspada, yang bersedia untuk mengatasi cabaran dan merebut peluang pada bila-bila sahaja.

102. Dunia sudah berubah. Sementara dalam bidang ekonomi zaman gergasi sudah melanda kita, dalam arena politik antarabangsa juga, gergasi tunggal sudah muncul. Dan dunia juga sedang memperlihatkan keruntuhan akhlak dan agama di satu pihak dan kemunculan fanatik agama dan keterlaluan sikap di pihak yang lain.

103. Memandu negara dalam lautan ekonomi, politik dan agama yang bergelora ini bukanlah sesuatu yang mudah. Tetapi dengan izin Allah Subhanahu wa Ta' ala dan berkat kesederhanaan UMNO, kita masih selamat.

104. UMNO sebagai parti terbesar di negara ini, yang menjadi tulang belakang Kerajaan, memikul tanggungjawab sepenuhnya terhadap masa depan negara. Jika negara berjaya, UMNO berhak berbangga. Tetapi jika negara gagal, kegagalan ini adalah kegagalan UMNO juga.

105. Pemimpin-pemimpin UMNO di semua peringkat serta ahli- ahli UMNO perlu sedar akan hakikat ini. Perjuangan parti adalah lebih besar dan lebih utama daripada perjuangan mana- mana individu dalam parti. Justeru itu belakangkanlah kepentingan individu dan utamakanlah parti. Dengan itu agama, bangsa dan negara kita akan selamat dan maju, insya- Allah.

WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAH WABARAKATUH.